

08/12/1998

Rakaman mesyuarat MT akan diedar

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Umno akan mengedar pita rakaman asal mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) pada 3 September lalu, yang memutuskan pemecatan Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menurut Perdana Menteri, pita rakaman sebanyak empat unit itu akan diedarkan secepat mungkin bagi membolehkan semua yang diperkatakan, bukan saja oleh Anwar tetapi ahli MT serta keputusan yang dibuat, didengar.

"Kita dapati ada usaha dibuat untuk memadam sebahagian daripada ucapan Anwar dalam mesyuarat itu yang digunakan bagi membersihkan imej beliau.

"Oleh itu, kita berpendapat setelah pita yang diedit sudah pun diedar, maka MT membuat keputusan untuk membenarkan seluruh pita diedar kepada sesiapa saja yang ingin mendengarnya," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat MT, di sini malam tadi.

Beliau berkata, ibu pejabat Umno akan membuat salinan rakaman itu daripada pita asal dan mengedarkannya secepat mungkin.

Perdana Menteri berkata, keputusan itu dibuat supaya tiada lagi cubaan untuk menggunakan kaset itu untuk membersihkan orang tertentu.

Dr Mahathir berkata, MT dapati banyak ucapan Anwar yang mendedahkan sikapnya sudah dipadamkan untuk membersihkan imej beliau.

"Siapa yang suka dengar boleh mendengarnya walaupun saya rasa ada mereka yang tidak mahu mendengarnya... nak dengar setakat yang dia hendak dengar sahaja," katanya.

Mengenai sama ada pita itu boleh diedarkan kerana perbicaraan Anwar masih berjalan, Dr Mahathir berkata, keputusan berkenaan tidak ada kaitan dengan perbicaraan kerana ada pihak yang telah mengedarnya.

"Kalau mahkamah hendak tangkap, tangkap orang yang jual tetapi mahkamah tidak menangkap pun," katanya.

Mengenai pengedaran pita itu, Perdana Menteri berkata, Setiausaha Agung, Datuk Seri Sabbaruddin Chik akan membekalkan kepada sesiapa yang hendak tetapi terpaksa membayarnya kerana Umno tidak mempunyai duit yang banyak seperti sesetengah orang.

Dr Mahathir juga mengumumkan bahawa Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak akan membentangkan usul pindaan perlembagaan Umno pada mesyuarat khas parti, Ahad ini, manakala Datuk Abdullah Ahmad Badawi pula akan menggulungkan usul berkenaan.

Perdana Menteri berkata, MT juga membuat keputusan mengutuk Naib Presiden Amerika Syarikat, Al Gore dan spekulator mata wang George Soros, yang cuba campur tangan dalam pentadbiran negara.

Berikutan itu, Dr Mahathir berkata, kerajaan akan terus memberi penerangan mengenai masalah politik dan ekonomi negara walaupun rakyat semakin faham mengenai masalah itu.

Menurutnya, MT juga ada membincangkan secara terbuka mengenai jawatan Timbalan Perdana Menteri yang dibangkitkan ahli.

(END)